



PERMINTAAN swasta berkembang 8.8 peratus pada suku pertama tahun ini iaitu sebelum pelaksanaan GST. bagaimanapun permintaan hanya tumbuh 6.4 peratus pada suku kedua dan 4.1 peratus pada suku ketiga tahun ini. - **GAMBAR HIASAN**

Perbelanjaan swasta kukuh di sebalik kerisauan

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Permintaan swasta atau perbelanjaan pengguna domestik dilihat masih kukuh, meskipun terdapat kerisauan pengguna terhadap kesan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bermula 1 April lalu.

Penganalisis Affin Hwang Capital, Tan Ei Leen berkata, secara perbandingan tahun ke tahun permintaan swasta berkembang 8.8 peratus pada suku pertama tahun ini iaitu sebelum pelaksanaan GST. Bagaimanapun katanya, permintaan hanya tumbuh

6.4 peratus pada suku kedua dan 4.1 peratus pada suku ketiga.

Kata beliau, penurunan tersebut hanya bersifat sementara dan ia lebih disebabkan faktor kelemahan ringgit berbanding masalah berstruktur dalam ekonomi.

"Di sebalik pelaksanaan GST, kajian kami mendapati permintaan swasta antara suku ke suku mulai meningkat kepada 6.9 peratus pada suku ketiga, berbanding kemerosotan 0.4 peratus pada suku kedua.

"Hal ini dibantu dengan pasaran

kerja yang baik serta kadar pengangguran yang rendah iaitu 3.2 peratus, serta pertambahan pendapatan 3.5 peratus pada suku ketiga 2015 berbanding suku yang sama tahun lalu," katanya dalam nota kajiannya di sini hari ini.

Jelas Ei Leen, permintaan swasta di Malaysia bersamaan 53.5 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga 2015 dan disokong oleh perbelanjaan daripada kelompok 35 tahun ke bawah.